

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap aduan bernombor SPRM:CPM 20/38/01.30 JLD.25(83).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat masih lagi dalam tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (304)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 12 tahun untuk mendapat balik wang mereka, seperti yang dijanji dalam satu mesyuarat yang dipengerusi oleh Jabatan Perumahan Negara pada 4 Mac 2015.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Taman Permata Impian, Kulaijaya, Johor dimajukan oleh Renewed Global Sdn. Bhd. sejak tahun 2003. Projek ini melibatkan pemajuan komersial iaitu rumah kedai sebanyak 284 unit di mana 194 unit telah terjual. **Pemajuan komersial adalah di bawah pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kulai dan tidak perlu dilesenkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) [Akta 118].**

Walaupun tidak dilesenkan, Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menerima aduan dan mengambil inisiatif untuk mengadakan mesyuarat bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan projek ini. Mesyuarat terkini telah diadakan pada 22 Oktober 2015 di JPN melibatkan pemaju, pembeli dan peguam pembeli. Hasil mesyuarat tersebut, peguam pembeli telah mengemukakan senarai nama pembeli dan cadangan penyelesaian pembeli kepada pemaju. Selain itu, pemaju telah diminta untuk

mengemukakan surat aku janji terma penyelesaian pinjaman kepada peguam pembeli. Affin Bank Berhad sebagai bank pembiaya juga telah memohon melalui surat bertarikh 10 Januari 2016 agar pemaju mengemukakan deraf perjanjian penyelesaian pinjaman untuk diluluskan.

Memandangkan projek ini tidak terikat dengan Akta 118, tindakan penguatkuasaan perlu diambil oleh Majlis Perbandaran Kulai selain mengkaji jalan penyelesaian terbaik bagi menjaga kepentingan pembeli.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016

SULIT

SOALAN: 305

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN : 305

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kegunaan peruntukan khas YAB. Perdana Menteri tahun 2015 untuk kawasan Parlimen Kulai.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2015 sejumlah 3 buah projek dengan kos sebanyak RM70 ribu telah dilaksanakan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Kulai.

Sekian. Terima kasih.